

# Sengketa berterusan gugat kedaulatan bangsa

Oleh Sobri Sudin

**S**EPANJANG beberapa minggu lalu, rakyat dikejutkan dengan perkembangan beberapa peristiwa penting. Pertama, kehilangan kedaulatan dan pemilikan hak ke atas Batu Puteh, meskipun diberi 'sagu hati' dengan Batuan Tengah.

Kedua, peristiwa Ahli Parlimen Padang Serai, N Gobalakrishnan yang melakukan aksi bisikan apabila naik ke tempat duduk Speaker ketika Sidang Dewan Rakyat iaitu satu tindakan yang tidak pernah dilihat sepanjang lebih 50 tahun negara merdeka.

Ketiga, pengisytiharan Tun Dr Mahathir Mohamad keluar Umno, disusuli isterinya dan beberapa orang lain.

Keempat pengharaman pendekatan Islam Hadhari oleh kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor dan Pulau Pinang. Akhirnya memasuki semula bekas orang kanan Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu Ezam Mohd Nor ke pangkuan Umno.

Semua insiden itu mempunyai natijah, sebab musabab dan penyelesaian yang perlu dicari serta dirumus oleh semua pihak. Isu tuntutan Batu Puteh atau 'Pedra Blanca' adalah isu sejarah, membabitkan kewibawaan wilayah dan hak kedaulatan negara.

Dalam konteks ini, atas persetujuan kedua-dua belah pihak, maka pihak ketiga iaitu Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) digunakan bagi mencari jalan penyelesaian. Apabila kedua-dua belah pihak yang bertelingkah bersetuju untuk dihakimi pihak ketiga, maka mereka juga harus akur kepada sebarang ketetapan.

Dalam konteks ini tiada agenda politik meskipun ada dakwaan kononnya hakim yang bersidang itu mahu menyebelahi Singapura. Penilaian dibuat berdasarkan hujah kedua-dua belah pihak. Meskipun dari aspek sejarah kita berjaya meyakinkan bahawa Pulau Batu Puteh sebahagian daripada Kesultanan Johor, namun dari sudut minat, tindakan dan usaha penyelenggaraan, Malaysia sudah mengabaikan hak milikan dan tuntutan kedaulatan ke atas Batu Puteh.

Dalam erti kata lain kita mengambil pendekatan 'sikap sambil lewa'. Seperti kelaziman budaya rakyat di negara ini sudah 'terantuk baru terngadah', maka diuar-uar kanlah supaya kerja pembangunan, penyelenggaraan di atas milikan pulau perairan negara segera dilakukan.

Hakikatnya, 'nasi sudah menjadi bubur', sikap tidak endah, kecuaihan pimpinan terdahulu menyebabkan generasi kini menanggung kesannya. Semua rakyat dan generasi terdahulu sehingga kini bersalah dalam soal ini. Inilah hakikat yang perlu kita terima.

Aspek kedua ialah ketelusan, keterbukaan dasar kerajaan untuk menyampaikan hebahatan maklumat kepada rakyat terutama apabila generasi kini dilanda 'blog mania'. Pilihan pada media alternatif berlaku ber-



Dr Mahathir

ikutan adanya persepsi bahawa media arus perdana kurang kredibilitinya.

Lalu rancangan blog ke udara di TV1, siaran langsung Sidang Parlimen diadakan terus menerus menerusi kaca TV Dalam konteks keterbukaan inilah, generasi masa kini dihidangkan dengan aksi dan gelagat 'terlampau' Ahli Parlimen.

Melalui kata kesat, tindakan dan aksi tidak beradab sehinggakan Parlimen yang sepatutnya menjadi medium membahas dan mencadangkan dasar terbaik negara dijadikan medan 'sarkas'.

Barangkali satu badan khusus wajar ditubuhkan untuk menyediakan siri modul kursus selama sebulan kepada bakal Ahli Parlimen supaya mereka diajar dan dilatih mengenai adab etika, peraturan serta larangan ketika bersidang dalam Parlimen. Kursus ini penting supaya tatacara Parlimen dan sidangnya tidak terganggu oleh aksi tidak senonoh.

Berbalik kepada tindakan Dr Mahathir melancarkan serangan berterusan ke atas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ia bukan sesuatu yang luar biasa dalam sejarah politik negara.

Ketika mengumumkan keluar daripada Umno pada satu perjumpaan anjuran Dewan Perhimpunan Melayu Kedah 19 Mei lalu, Dr Mahathir terus menyelar kepemimpinan Perdana Menteri itu.

Pada tanggapan penulis, ia bukanlah sesuatu yang luar biasa. Tradisi dan sejarah Umno membuktikan, hampir semua Presiden Umno dan bekas Perdana Menteri akhirnya keluar Umno seperti Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn sendiri. Apakah budaya ini bakal

Ezam

berterusan atau mati begitu saja, hanya masa akan menentukannya.

Bagaimanapun, serangan peribadi Dr Mahathir kali ini jelas membayangkan 'perkelahian antara dua keluarga besar', survival dua kelas elit menengah Melayu dengan soal kepentingan umum parti, hak ahli dan masa depan umat Melayu dalam jangka panjangnya tidak lagi diperhitungkan.

Apa yang penting, dendam berbalas, misi tercapai dan hasrat dipenuhi. Sewajarnya perkelahian ini didamaikan melalui adab budaya Melayu dan prinsip agama yang menekankan 'setiap umat Islam adalah bersaudara' dan 'tidak sempurna iman seseorang sehingga dia mengasihi saudaranya melebihi dirinya sendiri.'

Agak malang pertelingkahan ini terus disuburkan dengan kenyataan 'nasi tambah' pihak ketiga yang jelas merebakkan lagi keburukannya berbanding kebaikan. Apakah Melayu akan terus mengikut jejak langkah Pak Kaduk iaitu 'menang sorak, kampung tergadai?'

Apakah juga manifestasi pergaduhan sesama Melayu mesti diakhiri dengan keputusan terakhirnya seperti 'marahkan nyamuk, kelambu dibakar?' Inilah yang menjadi satu keclaruan dan ketidaktentuan di kalangan bangsa Melayu sekarang, di sebalik hak mereka yang makin menipis dan di-hakis.

Di sebalik menularnya kuasa baru politik negara, kononnya mahukan persamaan, keadilan dan kesamarataan, maka Ahli Dewan Undangan Negeri Melayu kini terpaksa tunduk memberi hormat kepada Speaker DUN yang dilantik daripada kalangan bukan Melayu seperti berlaku di

Perak dan Selangor.

Bukan bermaksud bersifat perkauman, tetapi menampakkan realiti inilah yang berlaku apabila Melayu bersikap marah, sakit hati, jauh hati, kuasa, tanah dan kedaulatan yang ada di tangan sekalipun akan diserahkan, ibarat kata bidalan 'biar sama-sama tak dapat, baru puas hati aku'.

Sentimen rajuk hati, sakit hati, jauh hati dan meminggir diri ini adalah disebabkan oleh kesibukan pemimpin Melayu meninggi diri, bongkak diri dan berhidung tinggi menyebabkan ramai pengundi Melayu memilih calon DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam pilihan raya umum lalu.

Melayu sendiri menyerahkan kedaulatan dan hak mereka untuk dilaksanakan kepada orang lain kerana sikap emosi yang cukup tinggi. Apakah ada jalan untuk memujuk Melayu yang merajuk hati ini?

Penyelesaian masih ada, manifestasi Ezam Mohd Noor menyertai semula Umno adalah hakikatnya. Diharapkan niat beliau ikhlas untuk berjuang, menyumbang kepakaran dan menarik kembali golongan muda untuk tidak lagi menjauhi dan membenci Umno.

Ezam yang dulunya ketika kegawatan politik hampir sedekad lalu begitu marahkan Umno, kini sudah kembali reda hatinya dan tenang emosinya. Demikianlah sifat Melayu, cepat marah dan lekas pula lembut hati dan insaf kembali.

Ibarat kata pepatah 'keras-keras kerak nasi'. Peristiwa ini juga menandakan tepatnya perspektif teori yang diutarakan pemikir politik iaitu dalam politik tidak ada kawan atau musuh yang kekal, apa yang kekal hanyalah kepentingan.

Maka pengajaran daripada semua peristiwa besar ini membayangkan tiga hakikat penting. Pertama, amalan feudalisme Melayu yang suka mencari salah orang lain dan sikap suka bergaduh ini harus digantikan dengan perpaduan dan muafakat yang kukuh.

Dengan satu suara dan satu nada, hak Melayu seperti jaminan Perlembagaan Persekutuan bukan sekadar mudah dipertahankan, malah akan dapat dikuatkuasakan dengan jayanya.

Kedua, persengketaan sesama saudara sesama agama akan hanya membuka ruang kepada musuh untuk mengambil kesempatan menghancurkan tamadun negara yang dibangunkan oleh bangsa berdaulat ini.

Ketiga, bermusyawarah, bermuhasabah serta berbaik sangka adalah amalan paling mulia bagi bangsa ini untuk menangani dan mengatasi segala kemelut yang ada. Insyallah berkat doa dan komitmen semua, kata keramat Laksamana Hang Tuah, 'tidak Melayu hilang di dunia' mampu memastikan 'Melayu Tidak akan hilang Dunianya' dan akhirnya menjadi 'hamba' di negara sendiri.